

Pengajian Am (900)

PRESTASI KESELURUHAN

Pada tahun ini, bilangan calon yang mengambil mata pelajaran ini ialah 50 187 orang. Peratusan calon yang lulus penuh ialah 80.78%, turun sebanyak 0.08% berbanding dengan tahun 2009.

Pencapaian calon bagi mata pelajaran ini mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	9.20	6.22	11.52	11.90	14.50	15.63	11.81	5.56	3.44	3.78	6.44

RESPONS CALON

KERTAS 900/1 (ANEKA PILIHAN)

Kunci jawapan

Nombor Soalan	Kunci Jawapan	Nombor Soalan	Kunci Jawapan	Nombor Soalan	Kunci Jawapan
1	B	21	C	41	B
2	B	22	C	42	A
3	B	23	B	43	D
4	C	24	D	44	A
5	A	25	C	45	C
6	C	26	C	46	B
7	A	27	B	47	D
8	B	28	D	48	B
9	A	29	C	49	D
10	C	30	B	50	C
11	B	31	A	51	C
12	A	32	B	52	C
13	B	33	C	53	D
14	B	34	B	54	D
15	B	35	A	55	C
16	D	36	B	56	D
17	C	37	C	57	B
18	C	38	B	58	A
19	A	39	B	59	B
20	B	40	A	60	C

Komen am

Secara keseluruhannya, prestasi calon dalam Kertas 1 pada tahun ini lebih baik berbanding dengan tahun lepas. Dua orang calon mendapat markah tertinggi, iaitu 60 markah, dan 21 orang calon pula mendapat markah terendah, iaitu 0 markah.

Dua soalan, iaitu soalan 7 dan 50 merupakan soalan yang beraras mudah bagi calon kerana lebih 80% calon dapat menjawabnya dengan betul, manakala soalan 3, 4, 25, dan 26 pula merupakan soalan yang beraras sukar bagi calon kerana hanya 38% calon yang dapat menjawabnya dengan betul. Respons calon terhadap soalan-soalan lain dalam kertas ini memuaskan.

KERTAS 900/2 (ESEI)

Komen am

Secara keseluruhannya, mutu jawapan calon pada tahun ini adalah sederhana. Namun begitu, jawapan kebanyakan calon menunjukkan adanya perancangan. Dalam bahagian A dan B, kebanyakan calon tidak mematuhi arahan tentang jumlah perkataan dalam penulisan, iaitu antara 250 hingga 300 patah perkataan. Ada dalam kalangan calon yang gagal membezakan antara idea laras sastera atau sains sosial dengan idea laras sains, terutama apabila menjawab soalan dalam bahagian B.

Dalam bahagian C, banyak terdapat calon yang hanya menggunakan perkataan dalam petikan semula untuk menjawab soalan (i) dan tidak menggunakan perkataan sendiri. Hal ini menyebabkan calon hanya mendapat markah minimum. Bagi bahagian (ii) pula calon dapat menjawab dengan memuaskan, iaitu dapat mengulas isu yang diberikan dalam soalan dengan mematuhi arahan tentang jumlah perkataan yang ditetapkan. Namun begitu, masih terdapat calon yang tidak mematuhi arahan ini, iaitu menulis lebih 50 patah perkataan untuk menjawab soalan dalam bahagian (ii).

Dalam bahagian D, secara keseluruhannya calon telah dapat menguasai teknik menghasilkan graf dan tidak banyak calon yang tersalah memilih media yang hendak dihasilkan. Namun bagitu, kemahiran menganalisis dan mentafsirkan masih belum dapat dikuasai sepenuhnya. Kecuaian dan ketidaktelitian dalam menghasilkan jawapan telah menyebabkan calon kehilangan markah. Kekemasan media yang dihasilkan masih lagi tidak mencapai tahap kualiti yang diharapkan. Banyak calon yang mengabaikan aspek pewarnaan atau lorekan yang sistematik. Malah banyak juga calon yang hanya menggunakan simbol sebagai ganti kepada teknik mewarna atau melorek. Kecuaian calon yang lain ialah kesalahan dalam menulis tajuk, sumber, nisbah, label pada carta atau graf, dan tidak dapat menyiapkan jawapan.

Dalam bahagian E, mutu jawapan calon agak baik. Namun begitu, calon masih belum menguasai sepenuhnya kemahiran menganalisis, mentafsirkan, dan menghurai. Hal ini menyebabkan kebanyakan calon tidak mendapat markah yang baik.

Penguasaan dan kemahiran bahasa masih kurang memuaskan. Calon masih banyak melakukan kesalahan struktur ayat seperti membina ayat yang tidak jelas atau yang terlalu panjang, serta kesalahan penggunaan tanda bacaan dan kesalahan ejaan. Ada juga calon yang masih keliru akan penggunaan imbuhan dan kata hubung dalam ayat. Kemahiran menganalisis dan berbincang juga berada pada aras sederhana.

Komen soalan demi soalan

BAHAGIAN A dan B: *Esei Laras Sastera dan Laras Sains*

Soalan 1

Soalan ini menghendaki calon menjelaskan sebab produk tiruan semakin popular dalam pasaran tempatan. Calon juga diminta untuk membincangkan usaha-usaha yang perlu diambil bagi melindungi produk asli. Mutu jawapan calon agak memuaskan kerana tugasannya adalah jelas dan calon berupaya mengemukakan idea dan huraian dengan agak baik seperti yang dikehendaki dalam skema jawapan.

Soalan 2

Soalan ini menghendaki calon membincangkan penggunaan kad kredit yang memudahkan urus niaga dan kesan yang timbul sekiranya penggunaannya tidak dikawal. Tugasannya adalah jelas dan mudah. Banyak calon yang menjawab soalan ini. Calon didapati mampu mengemukakan idea berkaitan dengan kebaikan dan keburukan kad kredit. Sungguhpun demikian, banyak calon yang gagal memperoleh markah yang tinggi kerana mereka tidak dapat membezakan antara kad kredit dengan kad debit. Di samping itu, ada calon yang mengemukakan idea sikap boros dan idea berhutang dengan pemberi pinjam wang. Idea ini tidak menepati skema jawapan.

Soalan 3

Soalan ini menghendaki calon menjelaskan serangga yang sering dianggap sebagai perosak dan menghuraikan kepentingan serangga kepada manusia. Soalan ini secara relatifnya adalah mudah, tetapi tidak banyak calon yang menjawab soalan ini. Hal ini demikian mungkin kerana ada calon yang tidak pasti tentang spesies yang dikategorikan sebagai serangga. Sehubungan dengan itu, ada calon yang mengelaskan cacing dan lintah sebagai serangga.

Soalan 4

Soalan ini menghendaki calon membincangkan manfaat mengurus sisanya pertanian kepada manusia. Banyak calon yang memilih untuk menjawab soalan ini, tetapi prestasi mereka adalah sederhana. Hal ini disebabkan banyak calon yang hanya membincangkan sisanya pertanian dan bukan manfaat mengurus sisanya pertanian. Malah, ada juga calon yang dikenal pasti telah memasukkan idea yang tidak relevan dalam jawapan seperti idea peningkatan pendapatan dan penjimatan kos pengeluaran.

BAHAGIAN C: *Kefahaman dan Ulasan Teks*

Soalan 5

Soalan (a)(i) menghendaki calon menjelaskan maksud frasa *Aku tidak mahu orang tua itu mati kerananya* berdasarkan petikan yang diberikan. Sebilangan besar calon tidak dapat memberikan jawapan yang tepat. Mereka hanya menyalin maklumat daripada petikan yang diberikan tanpa melakukan pengubahsuaian. Jawapan sepatutnya ialah penulis tidak mahu orang tua itu terus-menerus hidup dalam keadaan terabai.

Soalan (a)(ii) menghendaki calon menyatakan faktor yang menyebabkan pengabaian warga tua di negara ini. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara faktor pengabaian warga tua termasuklah kepincangan institusi keluarga, kemiskinan, sikap materialistik masyarakat masa ini, keadaan warga tua itu sendiri dari segi fizikal dan mental, tanggapan masyarakat bahawa warga tua tidak lagi produktif, dan kekurangan pendidikan agama dan moral pada anak-anak.

Soalan (b)(i) menghendaki calon menjelaskan pandangan penulis tentang faktor penting yang perlu diambil kira dalam usaha membentuk sebuah masyarakat yang maju dan berjaya. Ada dalam kalangan calon yang hanya menyalin jawapan terus daripada petikan teks. Ini sekali gus mengurangkan markah calon. Walaupun begitu, kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Jawapan calon yang boleh diterima ialah penulis berpendapat bahawa faktor yang perlu diambil kira ialah pembangunan yang seimbang antara aspek fizikal dengan manusia.

Soalan (b)(ii) menghendaki calon mengemukakan cadangan cara-cara universiti dapat memainkan peranan untuk membantu membangunkan modal insan. Kebanyakan calon dapat memberikan pendapat yang baik dan boleh diterima. Namun begitu, ada calon yang kurang memahami peranan universiti dalam meningkatkan kualiti modal insan. Antara jawapan yang boleh dikemukakan termasuklah universiti boleh menawarkan kepelbagaiuan kursus, membentuk para pelajar yang mempunyai sahsiah yang tinggi, menambah bilangan kakitangan akademik, menjalankan kerjasama dengan industri dan komuniti, mengantarabangsakan mahasiswa, dan membudayakan penyelidikan dan penerbitan ilmiah.

Soalan 6

Soalan (a)(i) menghendaki calon menjelaskan maksud *nanoteknologi*. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik, iaitu nanoteknologi bermaksud penghasilan produk bersaiz nanometer atau satu per bilion meter.

Soalan (a)(ii) menghendaki calon menyatakan kepentingan nanoteknologi kepada masyarakat dan negara. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan memuaskan. Antara jawapan yang boleh diterima termasuklah kepentingan nanoteknologi dalam bidang perubatan, ketenteraan, perindustrian, sukan, pertanian, penyelidikan, teknologi maklumat, kosmetik, dan aeroangkasa. Ini seterusnya akan menghasilkan ubat-ubatan bagi merawat dan memusnahkan sel kanser, senjata yang lebih kecil tetapi mempunyai kemampuan yang tinggi, kamera digital, raket tenis yang lebih ringan, penghasilan genetik tanaman yang dapat dikawal, robot nano, telefon 3G, krim antipenuaan, dan satelit nano.

Soalan (b)(i) menghendaki calon menerangkan sebab berlakunya sindrom lambat membaca dalam kalangan kanak-kanak yang berumur lima tahun ke atas. Kebanyakan calon hanya mengulang apa-apa yang ada dalam petikan dan menyebabkan mereka hanya mendapat markah minimum. Jawapan yang diterima ialah kemampuan otak untuk mentafsirkan imej tulisan kepada kefahaman terjejas.

Soalan (b)(ii) menghendaki calon menjelaskan langkah-langkah untuk mengatasi sindrom lambat membaca dalam kalangan kanak-kanak. Kebanyakan calon dapat memberikan jawapan yang baik. Antara jawapan yang boleh dikemukakan termasuklah teknik pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian, sokongan keluarga, rawatan dari segi psikologi, pengambilan vitamin dan makanan tambahan untuk merangsang daya pemikiran kanak-kanak tersebut, pemberian hadiah serta pujian sebagai motivasi untuk belajar, dan membaca buku kepada mereka bagi membantu menyebut sesuatu huruf dengan baik.

BAHAGIAN D: *Alih Bentuk Maklumat daripada Linear kepada Bukan Linear*

Soalan 7

Soalan ini menghendaki calon menyediakan carta yang sesuai untuk menunjukkan perbandingan perbelanjaan pengiklanan di Malaysia mengikut jenis media terpilih pada tahun 2006 dan 2007. Kebanyakan calon menjawab soalan ini dan mendapat markah yang baik. Jawapan yang tepat bagi soalan ini ialah carta pai. Namun begitu, terdapat calon yang mengabaikan aspek pewarnaan atau lorekan yang sistematik ketika menghasilkan carta tersebut, bahkan terdapat calon yang hanya menggunakan simbol sebagai pengganti kepada teknik mewarna atau melorek pada carta. Di samping itu, ada calon yang menulis sumber dan tajuk yang tidak lengkap, tidak tepat, tidak menulis label pada petunjuk, dan salah menulis nisbah. Hal ini menyebabkan calon kehilangan markah.

Soalan 8

Soalan ini menghendaki calon menyediakan graf yang sesuai untuk menunjukkan prospek ekonomi di Malaysia mengikut jenis petunjuk bagi tahun 2002 hingga tahun 2006. Jawapan yang tepat bagi soalan ini ialah graf gabungan bar dan garis dengan dua paksi. Tidak banyak calon yang menjawab soalan ini. Calon hanya boleh menentukan media selepas data berjaya dikumpulkan. Calon yang menjawab soalan ini tidak mendapat markah yang baik kerana mereka tersalah memilih media, tidak meletakkan label pada paksi, serta tidak dapat menyiapkan graf yang dikehendaki.

BAHAGIAN E: *Pemindahan Maklumat daripada Bukan Linear kepada Linear*

Soalan 9

Soalan meminta calon menjelaskan perubahan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) mengikut punca kegiatan terpilih dari tahun 2005 hingga tahun 2007 seperti yang dinyatakan dalam jadual yang diberikan. Calon juga dikehendaki mengemukakan langkah-langkah yang dilaksanakan oleh kerajaan untuk mengukuhkan ekonomi negara. Soalan ini memerlukan calon memberikan jawapan secara kualitatif dan kuantitatif. Banyak calon yang menjawab soalan ini, tetapi banyak juga yang tidak memperoleh markah yang tinggi. Hal ini demikian kerana calon tidak menulis perkataan “anggaran” untuk tahun 2007, tidak mengemukakan tahun asas dan tahun akhir, iaitu perbezaan mutlak, atau peratusan tidak dinyatakan semasa membuat perbandingan, mengemukakan pola perbandingan sedangkan perkara tersebut tidak dikehendaki, dan gagal memberikan huraiyan yang baik berkaitan dengan langkah mengukuhkan ekonomi negara. Calon sepatutnya menghuraikan jumlah keseluruhan KDNK yang meningkat secara berterusan dari tahun 2005 hingga tahun 2007, kegiatan terpilih yang menunjukkan pola peningkatan, kegiatan terpilih yang menunjukkan pola yang tidak konsisten, dan langkah-langkah yang perlu diambil untuk meningkatkan ekonomi negara.

Soalan 10

Soalan ini menghendaki calon untuk menerangkan punca kegagalan operasi sebuah organisasi. Calon juga diminta untuk menjelaskan usaha yang perlu dilakukan untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan seperti yang dinyatakan dalam gambar rajah yang diberikan. Soalan ini kurang menjadi pilihan calon. Namun begitu, calon yang memilih soalan ini berjaya mengemukakan idea dengan huraiyan yang baik. Jawapan yang boleh dikemukakan oleh calon ialah punca sebenar masalah operasi sebuah organisasi yang disebabkan oleh faktor peralatan, manusia, mesin, dan kaedah dalam melaksanakan kerja serta huraiyan tentang langkah-langkah yang boleh diambil untuk mengatasi masalah yang timbul pada faktor peralatan, manusia, mesin, dan kaedah tersebut.